KPT teruskan libat urus gubal akta, kerangka perundangan baharu pendidikan tinggi

Oleh Berita Harian-September 4, 2026 @ 02:05 pm



KUALA LUMPUR: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan meneruskan libat urus dengan semua kluster dan pemegang taruh bagi memastikan penggubalan akta serta kerangka perundangan baharu pendidikan tinggi negara dilaksanakan secara menyeluruh. Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, berkata pandangan dan kepakaran penasihat undang-undang universiti awam (UA) penting dalam membentuk akta yang kukuh dari sudut perundangan, praktikal serta memenuhi keperluan ekosistem pendidikan tinggi.

Beliau berkata proses itu akan dilaksanakan secara terbuka, inklusif dan menyeluruh dengan setiap pandangan diteliti bagi memperkukuh autonomi, akauntabiliti, tadbir urus serta kebebasan yang bertanggungjawab di institusi pendidikan tinggi (IPT). Katanya, pandangan dan cadangan yang diterima turut meliputi aspek peralihan bagi memastikan pelaksanaan kerangka baharu dapat dilakukan secara tersusun tanpa menjejaskan pentadbiran dan operasi universiti.

https://www.astroawani.com/video/kpt-mahu-mahasiswa-hayati-agenda-planetary-health